



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BATAS PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL”

10 Disember 2021 / 5 Jamadil Awal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الْدِيَنِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ³ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قال الله تعالى:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشَهِّدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

(Surah Yasin 65)⁴

Maksudnya: Pada hari ini Kami tutup mulut mereka, sementara tangan mereka akan berkata kepada Kami dan kaki mereka akan memberi kesaksian terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah Nya dan menjauhi segala larangan Nya. Dipohonkan semoga Allah SWT menerima segala amal kebaikan yang telah kita lakukan. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “BATAS PERKONGSIAN MAKLUMAT PERIBADI DI MEDIA SOSIAL”.

Hadirlin yang dirahmati Allah,

Menurut Kamus Dewan, “Media” adalah alat perantara, komunikasi atau perhubungan. Manakala “Sosial” pula adalah perihal kemasyarakatan dan pergaulan. Media sosial merupakan satu rangkaian komunikasi di atas talian yang dapat menghubungkan setiap manusia di setiap pelusuk dunia.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Media Sosial sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia pada masa kini. Penggunaan Media Sosial sangat meluas tanpa mengira usia, sosio-ekonomi mahupun geografi. Walaupun disebut dengan Media Sosial, namun ia sudah digunakan bagi tujuan rasmi oleh jabatan-jabatan Kerajaan mahupun swasta bagi tujuan menyalurkan maklumat dan hebahan rasmi. Media Sosial menjadi pilihan kerana ia cepat dan memudahkan penggunanya mencapai tujuan yang diinginkan. Di Malaysia sahaja dilaporkan sejumlah 28 juta pengguna Media Sosial. Antara Media Sosial yang paling mendapat tempat di hati rakyat Malaysia ialah Facebook, Instagram, Tik Tok, Twitter, Whatsapp, dan Telegram.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Penggunaan yang meluas ini sudah tentu mempunyai kebaikan dan keburukan. Antara kebaikan penggunaan Media Sosial adalah:

- 1) Dapat bersosial sekaligus menghubungkan persaudaraan atau kenalan yang baru dan lama dengan cara yang lebih mudah.
- 2) Alat perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan sama ada dalam bentuk video, gambar atau tulisan. Sebagai contoh, trend terkini ramai yang berkongsi ilmu dan petua melalui aplikasi Tik Tok yang ringkas dan menarik perhatian.
- 3) Untuk tujuan perniagaan dengan kaedah pengiklanan yang menarik dan murah dapat mempromosikan barang.
- 4) Mendapat berita yang jauh dan dekat dengan lebih cepat.
- 5) Boleh menyimpan detik-detik kenangan dalam bentuk gambar dan video peribadi sebagai ingatan pada bila-bila masa yang diinginkan.

Manakala dari sudut keburukan dan kelemahan penggunaan Media Sosial pula antaranya;

- 1) Ketagihan sehingga mengabaikan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan, seperti pelajar yang mengabaikan pelajaran akibat terlalu asyik menggunakan Media Sosial, begitu juga suami atau isteri yang mengabaikan pasangan dan anak-anak. Pernah berlaku suami membunuh isterinya dengan mencekik isterinya ketika sedang tidur. Apabila disoal siasat pihak polis, suspek memberitahu polis bahawa dia bosan dengan kelakuan isterinya yang banyak menghabiskan masa di media sosial.

Ini belum termasuk ketagihan yang mengakibatkan kelalaian kita terhadap ibadah wajib mahupun sunat. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran tentang ciri-ciri orang beriman yang sangat beruntung, antaranya ialah mereka yang menjauhkan diri



daripada perkara sia-sia dan tidak berguna:

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ الْعِوْمَرِضُونَ ﴿٣﴾

Bermaksud: Dan (orang beriman yang beroleh kemenangan itu) ialah mereka yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna.

(Surah Al-Mukminun ayat 3)

- 2) Media sosial juga boleh menjadi punca kepada perbalahan dan pergaduhan apabila pengguna bebas melontarkan kata-kata tanpa ada sekatan sehingga mengeluarkan kata-kata keji dan maki hamun. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

Rasulullah SAW pernah ditanya tentang siapakah sebaik-baik orang Muslim itu, maka jawab baginda Nabi:

مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: (Mereka) yang memberikan rasa aman kepada saudara Muslim-nya daripada gangguan lisan dan tangannya.

- 3) Perkongsian maklumat peribadi tanpa tapisan dan waspada boleh mengakibatkan bencana. Ramai pengguna Media Sosial merasa teruja untuk berkongsi apa sahaja tentang dirinya, keluarganya, harta bendanya tanpa memikirkan risiko buruk yang bakal terjadi. Pendedahan maklumat peribadi tanpa tapisan boleh digunakan oleh penjenayah untuk tujuan jenayah fizikal mahupun penipuan secara atas talian. Penjenayah boleh memerhatikan setiap tingkah laku kita hatta mengkaji latar belakang dan kelemahan diri kita sebelum merancang untuk melakukan aktiviti jenayah.
- 4) Sebagai umat Islam perbuatan terlalu menunjuk-nunjuk boleh menimbulkan perasaan riak dan takabur. Apatah lagi jika perkongsian itu mengandungi perkara yang dilarang dalam agama seperti mempamerkan kecantikan diri tanpa menjaga batasan aurat.
- 5) Media Sosial kadangkala digunakan bagi tujuan yang berlawanan dengan undang-undang. Dalam tempoh antara Januari sehingga September 2020, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah memfailkan 48 pertuduhan



terhadap individu yang menyalahgunakan media sosial. Antara kesalahan yang kerap dilakukan adalah "perkongsian atau penyebaran kandungan palsu, jelik dan mengancam". Menurut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, kesalahan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulan khutbah pada hari ini, perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian sebagai pencegahan;

Pertama; Berhati-hati apabila memuat naik hantaran (posting) dalam Media Sosial yang mengandungi maklumat peribadi.

Kedua; Berhati-hati apabila berkongsi aktiviti kehidupan seharian diri sendiri dan ahli keluarga.

Ketiga; Elakkan memberi komen negatif berbaur kejian mahupun kutukan yang boleh mengakibatkan pergaduhan fizikal. Islam juga melarang komen-komen perkauman yang juga boleh membawa akibat permusuhan.

Keempat; Keluarkan (unfriend) rakan maya yang sering mencurigakan atau sering menimbulkan perbalahan. Sabda Nabi SAW:

الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ، فَلَيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يَخْالِلُ

Maksudnya: Seseorang lelaki itu berada di atas agama sahabatnya. Maka hendaklah setiap daripada kamu meneliti dengan siapa dia berkawan.

(Riwayat Abu Daud 4833)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ وَكَفَى، وَأَصْلَيْ وَأَسْلِمٌ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُضْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَهْلِ الْوَقَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتِ كَيْتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ
الْمَحْيَا وَفِتْنَةِ الْمَمَاتِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْسِ وَالْمَغْرِمِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهَنَّمِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَائِتِ الْأَعْدَاءِ، اللَّهُمَّ إِنَّا
نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحُولِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ
سُبْحَانَكَ إِنَّا كُنَّا مِنَ الطَّالِمِينَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيْئَةً لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا
رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.